



JAMBATAN Hang Tuah di Batang Berjuntai, Kuala Selangor dinaiki air melebihi satu meter, semalam mengakibatkan kebanyakan kenderaan dari arah dua hala Kuala Selangor-Berjuntai Bestari-Bukit Tagar terkandas dan terpaksa berpatah balik menggunakan jalan alternatif.

Jambatan ditenggelami air, banyak kenderaan terkandas

UM 22/1

KUALA SELANGOR 21 Jan. - Jambatan Hang Tuah di Batang Berjuntai, kira-kira 25 km dari sini, dinaiki air lebih satu meter sejak awal pagi ini, mengakibatkan laluan Kuala Selangor-Berjuntai Bestari-Bukit Tagar terputus kepada banyak kenderaan.

Hanya beberapa kenderaan berat seperti lori dan kenderaan pacuan empat dapat meredah jambatan itu, manakala kebanyakan kenderaan lain memilih untuk menunggu, berpatah balik, mencari jalan alternatif, atau membatalkan terus perjalanan.

Menurut jurucakap bomba Batang Berjuntai, jambatan yang dikelilingi kawasan penanaman kepala sawit itu memang mudah dinaiki air, terutama selepas hujan lebat.

Beliau berkata, walaupun Kuala Selangor tidak mengalami hujan lebat sejak kebela-kangan ini, namun kenaikan air itu mungkin berpunca dari aliran air sungai dari kawasan tinggi yang memasuki Sungai Selangor yang mengalir di bawah jambatan.

Menurut polis, jambatan berkenaan masih dinaiki air sehingga pukul 6 petang ini, namun tiada insiden yang tidak diingini berlaku sehingga kini.

Anggota polis dan para pekerja Jabatan Kerja Raya (JKR) turut berada di sekitar jambatan itu bagi memantau keadaan.

Seorang pengguna, *Saiful Riduan* yang menuju ke arah Berjuntai Bestari berkata, beliau berpatah balik kerana tidak mahu mengambil risiko meredah jambatan itu, kerana bimbang keretanya akan mengalami kerosakan.

Beliau yang tiba di kawasan itu kira-kira pukul 6 petang tadi, menganggarkan 15 hingga 20 kenderaan turut terkandas berhampiran dengan jambatan itu.

"Nampak banyak yang berpatah balik selepas tunggu lama. Penunggang motosikal pula menolak motosikal masing-masing mengharungi air untuk menyeberangi jambatan itu," katanya.

- Bernama